



Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu

Mohd Khusyairie Marzuki¹

Mohd Muhiden Abdul Rahman²

Affendi Ismail³

ABSTRAK

Sikap pelajar dalam melaksanakan kewajipan solat fardu sangat berkait rapat dengan kesannya kepada pembentukan sahsiah. Kajian ini mempunyai tiga matlamat utama iaitu mengkaji tahap kefahaman solat fardu serta hubungannya dengan sikap dan amalan berdasarkan jantina, mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu dan menganalisis hubungan antara sikap pelajar terhadap solat dengan sahsiah serta kesannya kepada pembentukan sahsiah.. Bagi mencapai matlamat ini, kajian telah dijalankan terhadap 100 responden yang terdiri daripada para pelajar baru sepenuh masa di peringkat pengajian Ijazah Pertama di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif ; analisis deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratus serta analisis inferensi (*t-test* dan kolerasi pearson). Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Dapatkan menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman tentang kewajipan solat fardu yang memuaskan dengan skor min 4.75. Namun, sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan. Hasil dapatkan dicadangkan, agar pihak pengurusan universiti dapat memberikan penekanan terhadap pelaksanaan solat dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingannya.

Kata kunci: sikap, amalan solat, pembentukan sahsiah

¹ Mohd Khusyairie Marzuki, calon PhD di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

² Mohd Muhiden Abdul Rahman (PhD), Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

³ Affendi Ismail, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporeri (ACIS), UiTM cawangan Kelantan.

LATAR BELAKANG MASALAH

Hari ini kita telah diperlihatkan betapa ramai masyarakat Islam yang tidak menjunjung perintah menunaikan solat sebagai melaksanakan kewajipan rukun Islam ke 2. Kita melihat betapa ramai umat Islam yang meninggalkannya tanpa merasa bersalah, melihat pelbagai gelagat orang yang menunaikan solat. Ada dalam kalangan mereka yang terus menerus bersolat atau kadang-kadang sahaja bersolat malah ada juga yang secara berterusan meninggalkan solat. Solat merupakan kewajipan yang difardukan ke atas setiap Mukmin⁴. Kewajipan solat ke atas setiap orang Muslim lelaki dan perempuan, baligh, berakal.⁵

Sesiapa yang mengingkari perintah Allah dalam mendirikan solat maka ianya telah melanggar batasan hukum syarak dan dikatakan sebagai seorang fasik yang nyata. Hikmah pensyariatan solat antaranya, dengan mendirikan solat seseorang itu dapat membersihkan diri dan mensucikan jiwanya, mendekatkan diri seorang hamba untuk bermunajat kepada Allah di dunia dan menjadikan seseorang itu hampir dengan Allah pada hari Akhirat kelak, seperti mana solat itu dapat mencegah seseorang daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar. Solat merupakan penyerahan mutlak manusia Muslim kepada Allah SWT⁶

Gejala pengabaian kewajipan solat fardu berlaku di semua peringkat masyarakat tidak mengira golongan muda mahupun tua. Fenomena sikap yang memandang mudah terhadap tuntutan solat fardu sangat membimbangkan. Malah ada dalam kalangan masyarakat yang langsung tidak mendirikan solat fardu seharian. Para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga tidak terkecuali dalam masalah ini, berdasarkan temubual secara tidak langsung dengan mereka, ada yang mengakui tidak menunaikan solat, terutamanya solat Subuh dan solat-solat fardu yang lain tanpa sebarang alasan uzur syarie. Antara punca masalah ini berlaku adalah disebabkan oleh sikap mereka yang menganggap solat itu perkara yang remeh di samping kurang kesedaran diri untuk melaksanakan solat fardu. Terdapat beberapa faktor lain yang menjadi antara punca masalah ini seperti ibu bapa yang kurang memberikan penekanan pendidikan tentang solat fardu, tiada dorongan dari masyarakat sekeliling, malah yang lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa pada hari ini yang tidak bersolat di rumah.⁷

Masalah pengabaian solat dalam kalangan pelajar terutamanya solat Subuh dan sebahagian solat fardu yang lain, tanpa sebarang alasan uzur syarie dikenal pasti oleh pensyarah ketika mengemukakan penilaian secara tidak langsung setiap kali masuk ke kelas sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran. Antara punca yang dikenal pasti ialah faktor sikap pelajar yang memandang remeh kepada amalan solat, di samping tahap kesedaran menunaikan solat fardu yang masih lagi rendah. Manakala beberapa faktor lain yang dikenal pasti termasuklah kurang penekanan pendidikan solat fardu dari kalangan ibu bapa, tiada dorongan dari masyarakat sekeliling, malah lebih membimbangkan lagi,⁸ faktor pengabaian solat dalam kalangan ibu bapa sendiri. Dapatkan ini berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pensyarah di Jabatan Pengajian Am, Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Begitu juga hasil dapatan kajian ke atas pelajar-pelajar Muslim di Kolej Komuniti

⁴ Abi Bakr Jabir al-Jaza'iriy, *Minhaj al-Muslim* (Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-Ulum wa Hikam, 2000), 166.

⁵ Mustafa Khin dan Mustafa Bugho, *Fiqh Manhaji 'ala Mazhab Imam al-Syafi'i* (Dimasq : Dar al-Qalam, 1998), 112.

⁶ Muhammad Isa Selamat, *Panduan Lengkap Fardhu Ain* (Kuala Lumpur : Darul Nu'man, 1998)), 32

⁷ Hasna Bidin, et. al, "Kefahaman Ibaat Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Muslim : Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka", laman sesawang *google scholar*, dicapai 16 Januari 2018, <http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/663>

⁸ Sharifah Nur Abu, "Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak", laman sesawang *google scholar*, dicapai 16 Januari 2018, <http://dspace.poliku.edu.my/jspui/bitstream/123456789/636/1/Pengamalan%20solat%20fardhu%20di%20PKS.pdf>

Selandar Melaka, mendapati tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu berada pada tahap yang sederhana⁹. Menurut kajian Sharifah Nur, kurang penekanan ibubapa terhadap kewajipan solat di rumah, menjadi penyebab kepada kegagalan pelajar melakukan ibadat solat di rumah. Pada hakikatnya pendidikan solat bukan sahaja perlu diberi penekanan di sekolah semata-mata tetapi harus bermula di rumah. Kegagalan sistem kekeluargaan itu sendiri dalam mendidik anak-anak melakukan solat akan menyukarkan guru untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka.¹⁰

OBJEKTIF KAJIAN

- 1- Mengkaji tahap kefahaman solat fardu serta hubungannya dengan sikap dan amalan berasaskan jantina
- 2- Mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu berasaskan jantina
- 3- Menganalisis hubungan antara sikap pelajar terhadap solat fardu dengan sahsiah berasaskan jantina serta kesannya kepada pembentukan sahsiah.

METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya kajian yang dijalankan ini menggunakan metode kajian kuantitatif dan reka bentuk kajian tinjauan (*survei*). Skop batasan kajian dijalankan di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu yang merupakan salah sebuah IPT di Negeri Kelantan. Seramai 100 responden yang terdiri daripada pelajar baharu sepenuh masa peringkat pengajian Ijazah Pertama (bagi sesi September 2017) yang terdiri daripada lima program pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik serta Sains Komputer & Matematik telah dipilih secara rawak.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif dan inferensi. Tujuan Pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kefahaman solat fardu serta hubungannya dengan sikap dan amalan berasaskan jantina, mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu berasaskan jantina dan menganalisis hubungan antara sikap pelajar terhadap solat fardu dengan sahsiah berasaskan jantina serta kesannya kepada pembentukan sahsiah. Pengkaji mendapatkan data melalui pengedaran borang soal selidik dan maklumat kajian diperolehi melalui penentuan sampel saiz tertentu serta maklumbalas yang diberikan oleh responden.

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap sampel kajian yang terdiri daripada 100 dari kalangan pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Responden dalam kajian ini ditentukan berdasarkan Jadual Penentuan Sampel Saiz Krejie dan Morgan 1970 di mana, bilangan populasi seramai 150 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda kemasukan September 2017 semester 1, memerlukan minima seramai 100 orang responden dalam kajian ini .Sampel dalam kajian ini terdiri

⁹ Hasna Bidin, et. al, “Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Muslim : Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka”

¹⁰ Sharifah Nur Abu, “Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak

daripada pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu, sepenuh masa di peringkat pengajian Ijazah Pertama yang meliputi lima Program Pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik, Sains Komputer & Matematik. Responden juga telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Instrumen kajian ini menentukan jenis data yang diperolehi dan mempengaruhi jenis analisa data. Teknik pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang terbahagi kepada bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Kefahaman tentang Solat Fardu), Bahagian C (Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Pembentukan Sahsiah Melalui Amalan Solat) dan Bahagian D (Sikap Terhadap Amalan Solat Fardu).

Kajian Rintis

Kajian rintis juga dijalankan apabila item-item soal selidik yang dibina untuk menilai kesahan terhadap item-item tersebut. Tujuan pengkaji melakukan kajian rintis adalah untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik yang dibina melalui kajian rintis, Pengkaji dapat mengenal pasti kesukaran item seperti salah faham terhadap soalan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah lain yang berkaitan. Untuk tujuan kajian rintis ini, pengkaji telah memilih 30 orang pelajar UiTM Kelantan kampus Machang untuk menjawab soalan.¹¹

Metode Analisis Kajian

Sumber dan maklumat yang diperolehi ialah dalam bentuk kuantitatif. Data yang diperolehi daripada soal selidik dimasukkan ke dalam computer dan diproses menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0*. Data kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi seperti korelasi pearson dan ujian-t. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mencari nilai min dan peratus.

DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini merangkumi empat bahagian iaitu Bahagian A: Demografi Kajian, Bahagian B : Tahap kefahaman pelajar terhadap solat fardu, Bahagian C: Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Pembentukan Sahsiah Melalui Amalan Solat dan Bahagian D: Sikap pelajar terhadap amalan solat fardu dan kesannya kepada sahsiah. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa responden yang mempunyai kefahaman serta kesedaran tentang kewajipan solat fardu adalah memuaskan dengan peratusan melebihi 80%. Namun, sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan.

¹¹ Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*,45.

Bahagian A: Demografi Kajian.

Terdapat seramai 56 orang pelajar lelaki (56%) dan 44 orang perempuan (44%) dari keseluruhan 100 orang pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu, pelajar baharu sepenuh masa kemasukan September 2017 di peringkat pengajian Ijazah Pertama yang terdiri daripada 5 program pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik, serta Sains Komputer & Matematik.

Bahagian B: Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Amalan Solat Fardu

Jadual 1: Analisis Kefahaman Tentang Solat Fardu

	KEFAHAMAN TENTANG SOLAT FARUDU	PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Saya mengetahui solat fardu adalah rukun Islam ke 2 dan diwajibkan ke atas setiap orang Muslim.	-	1.0	-	19.0	80.0	4.78
2	Saya menunaikan solat fardu sehari sejadian mengikut panduan dari Mazhab al-Shafi'i.	-	-	-	25.0	75.0	4.75
3	Saya mengetahui dan memahami syarat-syarat sah dan perkara sunat, perkara yang membatalkan solat dan melaksanakan 13 rukun dalam solat.	-	-	-	38.0	62.0	4.62
4	Saya menyedari bahawa solat fardu wajib ditunaikan walau dalam keadaan apa sekali pun mengikut kemampuan.	-	-	1.0	17.0	82.0	4.81
5	Saya mengetahui bahawa amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah pada hari akhirat ialah amalan solat fardu.	-	-	-	20.0	80.0	4.80
	PURATA MIN KESELURUHAN						4.76

Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju [√] SS= Sangat Setuju

Bahagian ini mengukur tahap kefahaman pelajar tentang amalan solat dengan lima item yang berkait dengan kefahaman responden tentang solat fardu. Berdasarkan Jadual 1 di atas, hasil kajian mendapati tahap kefahaman responden tentang solat adalah tinggi dengan purata nilai ($\text{min}=4.75$). Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar memahami tentang kefarduan amalan solat yang meliputi kefahaman tentang solat sebagai kefarduan kepada semua Muslim ($\text{min}=4.78$), menunaikan solat sehari sejadian berdasarkan panduan Mazhab al-Syafie ($\text{min}=4.75$). Nilai min tertinggi ialah ($\text{min}= 4.81$) merujuk kepada Item ke 4. Ia tentang kewajipan menunaikan solat fardu walau dalam keadaan apa sekalipun, mencatatkan peratus tertinggi 82% responden menyatakan Sangat Setuju. Item ke 1 dan Item ke 5 mencatatkan peratusan yang sama, 80% responden memilih skala Sangat Setuju. Nilai min terendah ialah ($\text{min}=4.62$) pada Item ke-3 mengenai mengetahui, memahami dan melaksanakan syarat-syarat sah solat, perkara sunat dan perkara yang boleh membatalkan solat serta 13 rukun solat dengan peratusan terendah 62% responden menyatakan Sangat Setuju. Petunjuk skala Sangat Setuju menggambarkan bahawa responden bersetuju dan signifikan dengan kefahaman responden tentang solat fardu dapat memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah.

Bahagian C: Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Pembentukan Sahsiah Melalui Amalan Solat Fardu

Jadual 2: Analisis Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Pembentukan Sahsiah Melalui Amalan Solat Fardu

	FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG KEPADA PEMBENTUKAN SAHSIAH MELALUI AMALAN SOLAT FARUDU	PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [\sqrt{ }]	
1	Saya mendapat didikan agama sejak kecil atau mendapat kesedaran tentang kewajipan solat fardu.	-	-	3.0	29.0	68.0	4.65
2	Latar belakang keluarga saya yang menitikberatkan amalan solat fardu sejak kecil .	-	-	2.0	34.0	64.0	4.62
3	Saya ada mendengar kuliah agama tentang keutamaan solat fardu atau ada membaca buku-buku tentang Solat.	-	-	6.0	43.0	51.0	4.45
4	Rakan saya banyak mendorong saya untuk menunaikan solat fardu dan mengajak solat secara berjemaah.	-	1.0	10.0	40.0	49.0	4.37
5	Saya boleh membaca al-Quran dengan lancar terutamaanya membaca surah al-Fatihah.	-	-	5.0	44.0	51.0	4.46
	PURATA MIN KESELURUHAN						4.51

Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju [\sqrt{ }]SS= Sangat Setuju

Bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu. Berdasarkan Jadual 2 di atas, hasil kajian mendapati pada item no 1 tentang mendapat didikan agama sejak kecil atau mendapat kesedaran diri untuk menunaikan solat fardu adalah tinggi dengan purata nilai (min= 4.62). Ini memberikan isyarat bahawa didikan agama sejak kecil adalah faktor utama yang menjadi pendorong kepada pelajar mendapat kesedaran tentang kewajipan untuk menunaikan solat fardu. Dapatkan ini dikukuhkan lagi dengan nilai min ke 2 tertinggi selepas itu pada item ke 2, di mana latar belakang keluarga yang menitikberatkan amalan solat fardu sejak kecil. Ini membuktikan bahawa anak-anak perlu diberikan pendedahan didikan agama sejak kecil dengan membiasakan diri mereka menunaikan solat fardu. Peranan ibu bapa sangat besar dalam memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang sempurna sejak kecil. Nilai min terendah ialah (min= 4.47) pada item ke 4, iaitu rakan banyak mendorong untuk menunaikan solat fardu dan menunaikan solat secara berjemaah, dengan mencatat peratusan terendah 49% yang menyatakan sangat setuju.

Bahagian D: Sikap Pelajar Terhadap Amalan Solat Fardu Dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah

Jadual 3: Analisis Sikap Terhadap Amalan Solat Fardu

	<i>SIKAP TERHADAP AMALAN SOLAT FARDU</i>	PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Saya berasa tidak tenang atau gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu.	-	-	6.0	40.0	54.0	4.48
2	Saya berasa bersalah pada diri sendiri atau berdosa kepada Allah jika sengaja meninggalkan solat fardu.	-	-	1.0	36.0	63.0	4.62
3	Saya rasa tenteram atau tenang hati jika dapat menunaikan solat fardu di awal waktu secara berjemaah.	-	-	2.0	39.0	59.0	4.57
4	Saya menyedari bahawa solat fardu itu dapat mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah.	-	-	-	30.0	70.0	4.70
5	Saya mengetahui bahawa solat fardu itu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil seseorang.	-	-	-	31.0	69.0	4.69
	PURATA MIN KESELURUHAN						4.61

Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju[√] SS= Sangat Setuju

Bahagian ini menjelaskan sikap pelajar terhadap amalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah. Berdasarkan jadual 4 di atas, hasil kajian mendapati Item ke 4 tentang menyedari bahawa solat fardu itu dapat mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah menunjukkan nilai min tertinggi (min=4.70). Ini menunjukkan bahawa sikap positif responden yang mempunyai kesedaran bahawa menunaikan solat fardu, kesannya adalah dapat mendekatkan diri kepada Allah dan bersikap positif terhadap amalan menunaikan solat fardu. Seramai 37 responden lelaki dan seramai 33 responden perempuan memilih skala Sangat Setuju. Item ke 1, berasa tidak tenang atau gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu, mencatatkan nilai min terendah, (min=4.48) dengan peratusan terendah 54% responden memilih Sangat Setuju. Ini memberikan petunjuk bahawa ramai responden yang rasa tenang atau tidak gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu. Seramai 32 responden lelaki dan seramai 22 orang responden perempuan yang memilih skala Sangat Setuju.

PERBINCANGAN

Hubungan Antara Kefahaman Solat Fardu Dengan Sahsiah Pelajar

Jadual 4: Output Kolerasi Pearson 1

		Kefahaman	Sikap	Sahsiah
Kefahaman	Kolerasi Pearson	1	.505**	.500**
	Sig. (2 sisi)		.000	.000
	N	100	100	100
Sikap	Kolerasi Pearson	.505**	1	.483**
	Sig. (2 sisi)	.000		.000
	N	100	100	100
Sahsiah	Kolerasi Pearson	.500**	.483**	1
	Sig. (2 sisi)	.000	.000	
	N	100	100	100

Setelah menjalankan analisis kolerasi, dapatan Output Kolerasi Pearson 1 menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dengan nilai pekali ($r = 0.500$, $p < .05$). Jadual matrik kolerasi di atas menunjukkan kolerasi tinggi antara skor kefahaman responden terhadap solat fardu dengan skor pembentukan sahsiah pelajar. Hubungan antara pemboleh ubah skor kefahaman dengan sahsiah dianalisis menggunakan Kolerasi Pearson. Rujuk dapatan dalam Output Kolerasi Pearson seperti di atas.

Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kefahaman pelajar terhadap amalan solat fardu dengan pembentukan sahsiah pelajar. Ini bermakna responden yang dapat memahami tuntutan kefarduan solat fardu dan perkara yang berkaitan dengan solat fardu ada kemungkinan dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah. Kefahaman yang jelas tentang solat fardu dapat mencorakkan sikap seseorang terhadap sahsiah. Hasil dapatan ini jelas membuktikan terdapat hubungan positif dengan nilai pekali ($r = 0.500$, $p < .05$).

Hubungan Antara Tahap Kefahaman Solat Fardu Dengan Sikap

Jadual 5: Output kolerasi Pearson 2

		Kefahaman	Sikap	Sahsiah
Kefahaman	Kolerasi Pearson	1	.505**	.500**
	Sig. (2 sisi)		.000	.000
	N	100	100	100
Sikap	Kolerasi Pearson	.505**	1	.483**
	Sig. (2 sisi)	.000		.000
	N	100	100	100
Sahsiah	Pearson Correlation	.500**	.483**	1
	Sig. (2 sisi)	.000	.000	
	N	100	100	100

Setelah menjalankan analisis kolerasi, dapatan Output kolerasi Pearson 2 juga menunjukkan terdapat hubungan positif kuat dengan nilai pekali ($r = 0.505$, $p < .05$). Jadual matrik kolerasi di atas menunjukkan kolerasi tinggi antara skor kefahaman responden terhadap solat fardu

dengan sikap pelajar terhadap kewajipan solat fardu. Hubungan antara pemboleh ubah skor kefahaman dengan sikap pelajar terhadap amalan solat fardu dianalisis menggunakan Kolerasi Pearson. Rujuk dapatan dalam Output Kolerasi Pearson seperti di atas.

Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kefahaman pelajar terhadap amalan solat fardu dengan sikap seseorang dengan pembentukan sahsiah pelajar. Ini bermakna responden yang dapat memahami tuntutan kefarduan solat fardu dan perkara yang berkaitan dengan solat fardu ada kemungkinan mempengaruhi pembentukan sahsiah. Ini kerana kefahaman yang jelas tentang solat fardu dapat mencorakkan sikap seseorang terhadap sahsiah. Hasil dapatan ini jelas membuktikan terdapat hubungan positif dengan nilai pekali ($r = 0.505$, $p < .05$).

Hubungan Antara Sikap Dengan Sahsiah Pelajar

Jadual 6: Output kolerasi Pearson 3

		Kefahaman	Sikap	Sahsiah
Kefahaman	Kolerasi Pearson	1	.505**	.500**
	Sig. (2 sisi)		.000	.000
	N	100	100	100
Sikap	Kolerasi Pearson	.505**	1	.483**
	Sig. (2 sisi)	.000		.000
	N	100	100	100
Sahsiah	Kolerasi Pearson	.500**	.483**	1
	Sig. (2 sisi)	.000	.000	
	N	100	100	100

Setelah menjalankan analisis kolerasi, dapatan Output kolerasi Pearson 3 menunjukkan terdapat hubungan positif sederhana dengan nilai pekali ($r = 0.483$, $p < .05$). Jadual matrik kolerasi di atas menunjukkan kolerasi sederhana antara sikap responden terhadap solat fardu dengan pembentukan sahsiah pelajar. Hubungan antara pemboleh ubah skor sikap dengan sahsiah dianalisis menggunakan Kolerasi Pearson. Rujuk dapatan dalam output kolerasi Pearson seperti di atas.

Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara sikap seseorang dengan pembentukan sahsiah pelajar. Ini bermakna sikap seseorang terhadap amalan solat fardu ada kemungkinan mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang yang menunaikan solat fardu berbeza dengan sahsiah mereka yang tidak menunaikan solat fardu. Hasil dapatan ini jelas membuktikan terdapat hubungan positif sederhana dengan nilai pekali ($r = 0.483$, $p < .05$).

Analisis Sikap Pelajar Terhadap Amalan Solat Fardu Berasaskan Jantina

Jadual 7: Rasa tidak tenang atau gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu

	Jantina	Bilangan	Min
Tidak tenang atau gelisah sekiranya lewat Solat Fardu	Lelaki	56	4.52
	Perempuan	44	4.43

Dapatan pada Jadual 7 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki ($\text{min} = 4.52$), mengatasi pelajar

perempuan ($\text{min}=4.43$,) dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama

Jadual 8: Ujian t bagi Item Rasa Tidak tenang dan Gelisah Jika Solat Lewat

Item	Signifikan	t
Tidak tenang atau Gelisah Jika Solat Lewat	0.722	0.694

Dapatkan dalam Jadual 8 di atas menunjukkan min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara **tidak signifikan**. $p >0.05$.

Berdasarkan Jadual 9 didapati nilai t bagi perbandingan rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki dan perempuan ialah $t = 0.694$ dan tahap signifikan $p =0.489$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (Rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu).

Jadual 9: Tenteram atau Tenang Hati Jika Solat Awal berjemaah

	Jantina	Bil	Min
Tenteram atau Tenang Hati Jika Solat Awal berjemaah	Lelaki	56	4.54
	Perempuan	44	4.61

Dapatkan pada Jadual 9 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar perempuan pula ($\text{min}=4.61$) mengatasi pelajar lelaki ($\text{min}= 4.54$), dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama.

Jadual 10: Ujian t bagi item Tenteram dan Tenang Hati Jika Solat Awal berjemaah

Item	Signifikan	t
Tenteram dan Tenang Hati Jika Solat Awal berjemaah	0.095	0.732

Dapatkan dalam Jadual 10 di atas menunjukkan min bagi item rasa rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara **tidak signifikan**. $p >0.05$

Berdasarkan Jadual 10 didapati nilai t bagi perbandingan rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar lelaki dan perempuan ialah $t = -0.732$ dan tahap signifikan $p =0.466$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (Rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah).

Kesan Pelaksanaan Solat Fardu Kepada Pembentukan Sahsiah Pelajar

Berdasarkan Jadual 1: tahap kefahaman pelajar terhadap keutamaan menunaikan solat fardu, Jadual 2: Faktor-faktor asas pembinaan sahsiah pelajar untuk menunaikan solat fardu serta Jadual 3: Sikap pelajar terhadap amalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan

sahsiah yang menunjukkan maklumat keseluruhan item 1-5, hasil dapatan menunjukkan bahawa purata nilai min keseluruhan bagi ketiga-tiga jadual tersebut ialah ($\text{min}=4.62$). Nilai min tertinggi iaitu ($\text{min}=4.75$) adalah pada Jadual 2 manakala nilai min terendah iaitu ($\text{min}=4.51$) pada Jadual 3.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa kesan pelaksanaan solat fardu kepada pembentukan sahsiah pelajar dapat dilihat kepada nilai min tertinggi dalam Jadual 1. Ia berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap keutamaan menunaikan solat fardu adalah signifikan kerana item ke 4 mengenai solat fardu wajib ditunaikan walau dalam keadaan apa sekali pun mengikut kemampuan menggambarkan bahawa responden sangat mengambil berat tentang kewajipan menunaikan solat walaupun dalam keadaan apa sekalipun. Kebanyakan responden telah memilih skala sangat setuju dengan peratus sebanyak 82%. Ia juga mencatatkan nilai min tertinggi iaitu ($\text{min}=4.81$).

Hubungan antara jantina dan sikap terhadap amalan solat fardu pula dilihat kepada dua boleh ubah yang bertentangan iaitu item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu dan item rasa tenteram dan rasa tenang hati jika dapat menunaikan solat fardu di awal waktu secara berjemaah. Analisis pada item pertama seperti dalam Jadual 8 menunjukkan lelaki ($n=56$) dan perempuan ($n=44$) kedua-duanya memilih skala sangat setuju bahawa mereka rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu dengan frekuensi 32 dan 22.

Dalam kajian ini, analisis statistik yang digunakan adalah independent sample t-test kerana ingin membandingkan 2 kumpulan dan DV berskala (dalam bentuk skor). Jika lihat pada Jadual 7 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki ($\text{min}=4.52$), mengatasi pelajar perempuan ($\text{min}=4.43$) dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Dapatkan dalam Jadual 8 di atas menunjukkan min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara tidak signifikan. ($p>0.05$). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu).

Jadual 9 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar perempuan pula ($\text{min}=4.61$), mengatasi pelajar lelaki ($\text{min}=4.54$), dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Dapatkan dalam Jadual 10 di atas menunjukkan min bagi item rasa rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara tidak signifikan. $p>0.05$. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah).

Untuk mengukur sejauh mana sikap pelajar dapat memberikan kesan kepada pembentukan sahsiah, ianya dapat diilihat dalam dapatan kajian yang menggunakan pendekatan analisis inferensi: Kolerasi Pearson pada bahagian perbincangan di atas mengenai hubungan antara kefahaman solat fardu dengan sahsiah, hubungan antara kefahaman solat fardu dengan sikap dan hubungan antara sikap dengan sahsiah.

KESIMPULAN

Sikap pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu terhadap pengamalan solat fardu dapat dinilai dengan melihat kepada beberapa faktor penyumbang seperti tahap kefahaman pelajar

terhadap kewajipan solat fardu, faktor-faktor yang mendorong menunaikan solat fardu dan melihat sejauh mana sikap terhadap kewajipan solat fardu. Selain itu, kesan pelaksanaan solat fardu kepada pembentukan sahsiah pelajar dapat dilihat kepada nilai min tertinggi pada faktor pendorong pengamalan solat fardu iaitu mendapat didikan agama sejak kecil dan mendapat kesedaran tentang kewajipan solat fardu. Analisis item sikap terhadap amalan solat fardu menunjukkan kesedaran menunaikan solat fardu itu dapat mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah telah mencatatkan nilai min tertinggi. Ini memberikan isyarat bahawa majoriti responden bersetuju solat fardu dapat mendekatkan diri kepada Allah. Beberapa faktor asas pembinaan sahsiah yang mendorong untuk menunaikan solat fardu dikenal pasti . Ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan terdapat beberapa hubungan yang signifikan antara kesan pelaksanaan amalan solat fardu terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Perbincangan tentang hubungan antara kefahaman solat dengan sahsiah, hubungan antara kefahaman dengan sikap dan hubungan antara sikap dengan sahsiah dianalisis menggunakan analisis Kolerasi Pearson. Dapatan analisis mendapati terdapat hubungan positif yang kuat hubungan antara kefahaman solat dengan sahsiah, hubungan antara kefahaman dengan sikap masing-masing mencatatkan nilai pekali ($r = 0.500$, $p < .05$) dan dengan nilai pekali ($r = 0.505$, $p < .05$). Manakala analisis terhadap hubungan antara sikap dengan sahsiah pelajar mencatatkan hubungan positif sederhana dengan nilai pekali ($r = 0.483$, $p < .05$).

RUJUKAN

- Abi Bakr Jabir al-Jaza'iri, *Minhaj al-Muslim*. Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-Ulum wa Hikam, 2000.
- Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Islam*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Amran Kasimin, *Bagaimana Mencegah kejahatan Melalui Sembahyang*. Kuala Lumpur : Dinie Publisher, 1992.
- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, Shah Alam : McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd, 2014.
- Mustafa Khin dan Mustafa Bugho, *Fiqh Manhaji 'ala Mazhab Imam al-Syafi'i*. Dimasq : Dar al-Qalam, 1998.
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Muhammad Isa Selamat, *Panduan Lengkap Fardhu Ain*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man, 1998.
- Othman Mohamed, *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan*, Serdang : Universiti Putra Malaysia, 2001.
- Othman Talib, *Penyelidikan & Tesis "the power of determination*, Bangi : MPWS Rich Publication Sdn. Bhd, 2015.
- Othman Talib, *SPSS : Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*, Bangi : MPWS Rich Publication Sdn. Bhd, 2015.